

# Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT UNDANGAN TIGA NEGARA 2015

## Tiga pesilat negara pikul harapan tinggi

CEO Persisi yakin anak didik mampu juarai kelas masing-masing dalam kejohanan di Belanda bermula hari ini

► ANWAR YAHYA  
anwar@sph.com.sg

WALAU PUN rombongan Singapura boleh dihitung dengan jari, skuad silat negara yang kini berada di Leeuwarden, Belanda, bagi Kejohanan Pencak Silat Undangan Tiga Negara 2015 yang bermula hari ini bukan calang-calang.

Ketiga-tiga wakil Singapura itu – dua putera dan seorang puteri – tiba di kota Belanda itu dengan reputasi tinggi; seorang juara dunia, seorang naib juara dunia dan seorang juara Sukan SEA.

Justeru, harapan yang tinggi diletakkan di atas pundak Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, Nurul Suhaila Mohd Saiful dan Muhammad Nur Alfian Juma'en sepertimana kata Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang turut menyertai rombongan negara sebagai jurulatih pasukan.

"Berbanding negara lain seperti Malaysia yang menyertakan 10 atau lebih peserta, kami tiba di sini dengan pasukan kecil yang terdiri daripada tiga pesilat.

"Namun, ketiga-tiganya bukan calang-calang pesilat dan saya yakin mereka dapat menepati sasaran yang digariskan iaitu men-

juarai kelas masing-masing dan membawa pulang pingat emas.

"Mereka berpengalaman dan jika menunjukkan prestasi secara holistik termasuk stamina yang baik serta teknik dan kekuatan mental semasa bertarung di gelanggang, sasaran yang diletakkan itu mampu dicapai," ujar Sheik Alau'ddin yang bersama rombongannya selamat tiba di Belanda pagi kelmarin.

Di kalangan tiga wakil negara itu, Sheik Farhan adalah yang termuda.

Jejaka berusia 18 tahun itu mencatatkan kejutan manis apabila muncul satu-satunya juara dunia semasa beraksi dalam Kelas J (90-95 kg) di Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand, pada Januari lalu.

Kini beraksi dalam kelab yang lebih ringan, Kelas I (85-90 kg), Sheik Farhan ghairah mahu mengukur kemampuannya beraksi dengan pesilat di Eropah.

"Susuk badan mereka lebih tegap... tahap kecekapan mereka juga kian meningkat, jadi saya berharap dapat mempertingkatkan lagi kemahiran saya semasa bertarung di gelanggang.

"Ini kerana saya tidak boleh menggunakan teknik sama seperti menentang lawan dari Asia Tenggara kerana pesilat Eropah mem-

punyai gaya silat yang berbeza," ujar Sheik Farhan.

Rakannya, Alfian, satu-satunya pesilat yang merangkul emas di Sukan SEA Singapura pada Jun lalu, juga bersemangat dan tidak sabar turun berjuang.

"Saya anggap ini satu medan kejohanan yang penting... berdepan pesilat Eropah yang lebih agresif dalam suasana dan cuaca yang sejuk... berbeza sekali jika berbanding di negara sendiri.

"Ia juga pendedahan terbaik dalam persiapan menghadapi Kejohanan Dunia tahun depan dan membolehkan saya mengukur kemampuan saya," ujar Alfian yang akan bersaing dalam Kelas G (75-80 kg).

Satu-satunya srikandi dalam rombongan pesilat ke kejohanan ini juga tiba dengan reputasi tinggi – pemenang perak di Kejohanan Dunia awal tahun ini – sekalipun ini kali pertama beliau menyertai sebuah kejohanan di Eropah.

"Ini kali pertama saya beraksi di Eropah dan saya perlu segera menyesuaikan diri dengan cuaca dan gaya aksi peserta lain di sini.

"Yang pasti, saya akan memberikan yang terbaik dan cuba mengharumkan nama negara nanti," ujar Suhaila, 20 tahun, yang akan beraksi dalam Kelas C (55-60 kg).

Rombongan Singapura itu turut disertai Sa'adiah Sanuse selaku pengurus pasukan.

Di edisi kejohanan ini tahun lalu, kedua-dua wakil Singapura – Alfian dan Muhammad Shakir Juanda – muncul juara dalam kelas masing-masing.



**BERAZAM CATAT KEJAYAAN:** (Dari kiri) Tiga wakil Singapura, Nur Alfian, Sheik Farhan dan Nurul Suhaila, berazam mengibarkan bendera negara setibanya mereka di Leeuwarden, Belanda, bagi kejohanan Undangan Tiga Negara yang bermula hari ini. Bersama mereka ialah ketua Persisi yang berperanan sebagai jurulatih pasukan, Sheik Alau'ddin. – Foto PERSISI